



ISTANA BUDAYA
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

NOTIS SEBUT HARGA

KERJA-KERJA BAIK PULIH LANTAI KOLAM, WATER FEATURES KOLAM DAN SISTEM LAMPU KOLAM LAMAN PURI SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI BANGUNAN PANGGUNG ISTANA BUDAYA BAGI TEMPOH 12 MINGGU

SEBUT HARGA ISTANA BUDAYA : SH/IB/400-10/08/SH 08-2025

1. PELAWAAN

Sebut harga ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor tempatan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor yang berdaftar dengan: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan mempunyai sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK); Sijil Taraf Bumiputera (STB); Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang masih sah dalam GRED G3; KATEGORI B; PENGKHUSUSAN;

- B16 (Kolam Renang); atau
- B16 (Kolam Renang) dan B04 (Kerja-Kerja Pembinaan Bangunan); atau
- B16 (Kolam Renang) dan B24 (Kerja Penyenggaraan Bangunan)

2. TAKLIMAT SEBUT HARGA DAN LAWATAN TAPAK

Kontraktor adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat sebut harga dan lawatan tapak pada **4 Jun 2025 (Rabu) jam 10.00 Pagi**.

Kontraktor dikehendaki berkumpul di **Bilik Seri Nilam, Bangunan Panggung, Istana Budaya** pada tarikh dan masa yang ditetapkan.

Sila bawa sijil PPK asal, sijil STB asal dan sijil SPKK asal berserta satu salinan setiap sijil; Hanya penama yang tercatat dalam sijil sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat sebut harga dan lawatan tapak ini. Surat Kebenaran Khas CIDB adalah tidak dibenarkan. Taklimat sebut harga akan hanya diadakan sekali sahaja.

3. PEMBELIAN DOKUMEN SEBUT HARGA

SILA BAWA COP RASMI SYARIKAT untuk urusan pendaftaran. Sijil Lawatan Tapak akan diberikan selepas tamat lawatan tapak dan Dokumen Sebut Harga akan diemelkan secara *softcopy* kepada **e-mel rasmi syarikat yang aktif sahaja** bermula dari tarikh **4-5 Jun 2025**. Kontraktor perlu memuat turun dan mencetak keseluruhan dokumen sebut harga tersebut serta melengkapkan segala maklumat yang berkaitan termasuk Borang Sebut Harga Kerja dan muka depan Dokumen Sebut Harga yang dikeluarkan dalam bentuk *hardcopy*.

4. TARIKH DAN TEMPAT TUTUP SEBUT HARGA

Dokumen sebut harga yang telah diisi dengan lengkap dan dipastikan teratur hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga di Lobi, Bangunan Pentadbiran, Istana Budaya, Jalan Tun Razak, 50694 Kuala Lumpur** tidak lewat dari jam **12.00 tengah hari**, pada tarikh tutup Sebut Harga **12 Jun 2025 (Khamis)**.

5. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan sila e-mel ke zul@istanabudaya.gov.my

Tandatangan
Nama Penandatangan
Jawatan
Tarikh

STAHROLAZAM BIN SAINAN
Pegawai Teknikal
Bahagian Teknikal
b.p. Ketua Pengarah
ISTANA BUDAYA

30/5/2025 Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Malaysia